

**NO. SOALAN : 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTA JAM ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8288**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status tiga serta peranan tiga syarikat mendaftar warga asing iaitu NERS Sdn. Bhd., MyEG Services Bhd. dan Real Time Networking Sdn. Bhd. Apa perbezaan perkhidmatan syarikat tersebut.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**NERS**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menggunakan satu sistem biometrik yang dipanggil sebagai Sistem NERS (*National Enforcement and Registration System*) yang membolehkan cap jari serta biodata setiap warga asing disimpan secara elektronik. Dengan sistem ini juga, Jabatan Imigresen Malaysia selaku pemilik sistem ini mempunyai profil setiap warga asing yang memasuki dan berada di dalam negara.

Melalui Sistem NERS juga, Jabatan Imigresen Malaysia dapat membuat rujukan silang bagi mengesan pergerakan keluar masuk dan kes-kes penukaran identiti diri warga asing. Data-data ini tidak boleh diubah dan maklumat identiti seseorang warga asing itu akan disimpan secara kekal.

**MyEG**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian (*online*) oleh MyEG secara dasarnya adalah untuk menangani isu penyelewengan dan persepsi negatif terhadap JIM,

**meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kesesakan di pejabat-pejabat Imigresen.**

**Sejak bermula perlaksanaannya pada 1 Disember 2014, adalah didapati aktiviti dan proses penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian (*online*) dilihat lebih efisien dan pantas. Kesesakan dan masalah berbaris panjang di kaunter telah dapat dikurangkan sebanyak 50% selepas pelaksanaan dan masa pemprosesan secara umumnya dapat disingkatkan.**

#### **REAL TIME NETWORKING SDN BHD**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Real Time Networking Sdn. Bhd. telah mengemukakan cadangan sistem pengurusan pengambilan pekerja asing Bangladesh secara atas talian (*online*). Namun begitu, KDN tidak pernah melantik Real Time Networking Sdn Bhd bagi mengendalikan sistem pengambilan pekerja asing dari Bangladesh. KDN dan Kerajaan Bangladesh secara prinsipnya bersetuju supaya urusan permohonan dilakukan secara atas talian (*online*) dan tidak melibatkan pihak agensi pekerjaan/ syarikat swasta.**

**Bagaimanapun, bagi menjayakan konsep pengambilan pekerja asing secara '*online*', satu pihak swasta akan diberikan peranan**

sebagai '*system provider*' bagi menyokong mekanisma pengambilan yang dipersetujui oleh Malaysia - Bangladesh.

Pada masa ini, Malaysia - Bangladesh masih dalam peringkat perbincangan mekanisma pelaksanaan. KDN juga masih meneliti cadangan-cadangan yang diterima dari beberapa syarikat yang berminat untuk menjadi pengendali sistem '*online*' tersebut.